

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan:

(a) berapa banyak tindakan yang telah diambil terhadap nelayan-nelayan yang menggunakan bom ikan untuk menangkap ikan di laut di seluruh Malaysia; dan

(b) apakah mekanisme yang telah diambil untuk mengurangkan nelayan-nelayan asing dari menceroboh masuk ke kawasan kita menangkap ikan dan apakah Kementerian tidak berhajat untuk mengkaji denda yang dikenakan kepada nelayan asing yang menceroboh perairan negara kepada yang lebih tinggi serta hukuman penjara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

(a) Penggunaan bahan letupan untuk menangkap ikan di laut di seluruh Malaysia

1. Merujuk Seksyen 26 Akta Perikanan 1985, kaedah menangkap ikan menggunakan apa-apa bahan letupan merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Kegiatan ini juga boleh mendatangkan kecederaan atau membawa kematian kepada pelakunya.

2. Pada tahun 2019, sebanyak 39 kes rampasan hasil tangkapan ikan menggunakan bahan letupan telah direkodkan dan kes ini hanya berlaku di Negeri Sabah sahaja. Daripada jumlah kes yang direkodkan, sebanyak 4 kes telah didakwa di mahkamah.

(b) Mekanisma untuk mengatasi pencerobohan nelayan asing di perairan negara

3. Mekanisma yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi pencerobohan nelayan asing di perairan negara adalah melalui kerjasama strategik antara agensi penguatkuasaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu di kawasan 'hotspot' yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Sebagai contoh, Operasi NAGA 1/2019 (Ops NAGA) telah berjaya menahan sebanyak 52 buah vesel nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

- (ii) Mempergiatkan aktiviti *Monitoring, Controlling and Surveillance* (MCS) vesel penangkapan ikan melalui Vessel Monitoring System (VMS) dan *Automatic Identification System* (AIS) oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); dan
- (iii) Melaksanakan *pilot project* bagi penggunaan *Quick Response Code (QR Code)* dan *Radio Frequency Identification (RFID)* ke atas vesel laut dalam sebagai kaedah identifikasi dan pemantauan vesel tempatan di laut.

4. Kementerian telah melaksanakan pindaan Akta Perikanan 1985 pada 1 September 2019 yang membolehkan kadar denda maksimum dikenakan ke atas vesel penangkapan ikan asing yang menceroboh perairan Malaysia, iaitu daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi nakhoda dan bagi tiap-tiap anggota kru dari RM100 ribu kepada RM600 ribu.

Sekian, terima kasih.